

HALA TUJU PEMBANGUNAN NUKLEAR IRAN PASCA PERANG ISRAEL 13-24 JUNE 2025

THE DIRECTION OF IRAN'S NUCLEAR DEVELOPMENT POST THE ISRAEL WAR OF 13-24 JUNE 2025

Mohamad Faisol Keling ¹
Syed Abdul Haris Bin Syed Mustapa ^{2 *}

¹ Kolej Undang-Undang, Kerajaan Dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

Email: m.faisol@uum.edu.my

² Universiti Tekonologi Mara, Cawangan Seri Iskandar Perak.

Email: syeda488@uitm.edu.my

Corresponding author: (Email: syeda488@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 3-10-2025

Revised date : 4-10-2025

Accepted date : 2-11-2025

Published date : 16-11-2025

To cite this document:

Keling, M. F., & Syed Mustapa, S. A. H. (2025). Hala tuju pembangunan nuclear Iran pasca perang Israel 13 - 24 June 2025. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (78), 765 – 779.

Abstrak: Serangan Amerika Syarikat (AS) dan Israel ke atas kemudahan nuclear Iran pada 22 Jun 2025 ke atas kemudahan nuclear Fordo, Natanz dan Isfahan telah menimbulkan reaksi global terhadap persoalan kelangsungan program pembangunan nuklear Iran. Pihak AS dan Israel telah mengumumkan kejayaan operasi ketenteraan ke atas Iran dan mendakwa berjaya memusnahkan program nuklear Iran. Kajian ini menggunakan maklumat dan laporan dari pelbagai laporan agensi keselamatan serta laporan media antarabangsa bagi menganalisa kelangsungan program pembangunan nuklear Iran pasca Perang. Serangan AS dan Israel ini walau bagaimanapun telah dipertikaikan berdasarkan maklumat dan laporan agensi dan media antarabangsa yang menunjukkan terdapat pelbagai pendapat yang menunjukkan kesangsian, perdebatan dan percanggahan maklumat yang menimbulkan persoalan terhadap pengumuman kejayaan oleh AS dan Israel. Berdasarkan maklumat tersebut, ia menunjukkan Iran mampu meneruskan program nuklearnya dengan dua kaedah iaitu meneruskan program yang sedia ada kerana ia dipercayai tidak musnah secara total. Kaedah kedua adalah mendapatkan nuclear yang telah siap sebagai deterrence terhadap musuh melalui kerjasama dengan negara kuasa nuclear seperti Rusia, China, Paksitan dan Korea Utara. Malah kaedah ini pernah dilakukan oleh Rusia dalam Cuban Missile Crisis pada tahun 1962.

Kata Kunci: Nuklear Iran, Cuban Missile Crisis,

Abstract: The United States (US) and Israel's attack on Iran's nuclear facilities on June 22, 2025 on the Fordo, Natanz and Isfahan nuclear facilities has caused a global reaction to the question of the continuity of Iran's nuclear development program. The US and Israel have announced the success of the military operation on Iran and claimed to have successfully destroyed Iran's nuclear program. This study uses information and reports from various security agency reports and international media reports to analyze the continuity of Iran's nuclear development program after the War. However, this US and Israeli attack has been disputed based on information and reports from international agencies and media which show

that there are various opinions that show doubts, debates and conflicting information that raise questions about the announcement of success by the US and Israel. Based on this information, it shows that Iran is able to continue its nuclear program with two methods, namely continuing the existing program because it is believed to not be completely destroyed. The second method is to obtain a completed nuclear as a deterrent against enemies through cooperation with nuclear power countries such as Russia, China, Pakistan and North Korea. In fact, this method was used by Russia in the Cuban Missile Crisis in 1962.

Keywords: *Nuclear Iran, Cuban Missile Crisis,*

Pengenalan

Perang Israel-Iran bermula pada awal 13 Jun 2025 selepas Israel melancarkan serangan ketenteraan ke atas Iran yang dikenali sebagai operasi *Rising Lion* dengan dakwaan bahawa Iran telah menjalankan program nuklear ketenteraan secara rahsia (**Mark Fitzpatrick, 2025**). Dakwaan ini telah dinafikan oleh Iran menafikan mengenai wujudnya elemen ketenteraan dalam program nuklear. Pihak Iran telah bertindak balas dengan melancarkan operasi *True Promise 3* bagi membalas tindakan Israel pada 13 Jun yang menyasarkan kemudahan ketenteraan Israel (**Daniel Byman, 2025**). Penafian Iran telah diperkukuhkan dengan kenyataan Ketua Pengarah IAEA Rafael Grossi pada 18 Jun 2025 yang menjelaskan IAEA tidak mempunyai bukti kukuh Iran sedang membangunkan senjata nuklear. Malah dalam laporan CNN pada 17 Jun 2025 menyatakan perisikan AS turut melaporkan Iran tidak membangunkan senjata nuklear (**Chris Megerian and David Klepper, 2025**). Pada 22 Jun 2025, AS telah mengambil keputusan untuk menyertai kempen ketenteraan Israel ke atas Iran dengan melancarkan Operation Midnight Hammer dengan membedil tiga tapak nuklear Iran iaitu Natanz, Fordow dan Isfahan. Operasi *Midnight Hammer* AS dilaksanakan dengan taktik strategik yang mengejutkan dunia dengan kaedah ‘fake-out’ yang berjaya mengaburi sistem pertahanan Iran dengan elemen kejutan.

Operasi ini dilancarkan pada 21 Jun 2025 dengan sekumpulan pesawat pengebom B-2 dilihat berlepas dari pangkalan di Missouri menuju ke arah Guam, mencetuskan spekulasi bahawa AS sedang membuat persiapan awal di Pasifik. Namun, itu hanyalah umpan kerana sebanyak tujuh pesawat B-2 stealth yang lain telah terbang ke arah timur secara senyap selama 18 jam dengan komunikasi secara minimum dan pengisian minyak di udara bergerak ke Iran. Ketika pesawat menghampiri sasaran, sebuah kapal selam AS melancarkan lebih dua dozen peluru berpandu Tomahawk, manakala jet pejuang AS bertindak untuk mengalih perhatian pertahanan Iran dengan formasi operasi pengeboman. Menurut Jeneral Dan Caine, Pengerusi Ketua Turus Bersama menyatakan Iran langsung tidak sempat melepaskan sebarang tembakan balas kerana sistem pertahanan udara Iran gagal mengesan operasi AS. Majlis Keselamatan Negara Tertinggi Iran (SNSC) pada 24 Jun 2025 telah mengumumkan untuk hentikan perang terhadap Israel dan sekutunya, selepas mendakwa telah memberikan tindak balas memalukan AS dan menjadi teladan terhadap pencerobohan musuh. Manakala Menteri Pertahanan Israel, Israel Katz pada 24 Jun 2025 pula telah mengarahkan operasi ketenteraan berskala besar terhadap Tehran selepas mendakwa Iran melanggar perjanjian gencatan senjata yang dimeterai (**Tala Ramadan and Andrew Heavens, 2025**). Arahan Menteri Pertahanan Israel dikeluarkan selepas tentera Israel mendakwa mengesan pelancaran peluru berpandu balistik oleh Iran ke arah wilayahnya selepas AS mengumumkan gencatan senjata berkuat kuasa. Tentera Israel memintas serangan tersebut dan melancarkan serangan balas ke atas infrastruktur penting Iran termasuk penjara dan kemudahan tenaga.

Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu telah mengisytiharkan bahawa Israel telah mencapai “kemenangan bersejarah” dan menghapuskan ancaman terhadap Israel dalam perang selama 12 hari dengan Iran pada 25 Jun 2025. Ini kerana Israel telah mendakwa berjaya menyingkirkan ancaman nuklear Iran serta ribuan peluru berpandu yang disasarkan ke arah Israel (**Anthony Celso, 2024**). Perdana Menteri Israel turut berima kasih kepada Donald Trump atas sokongan luar biasa dan menyifatkannya sebagai “sahabat terbesar Israel yang pernah menduduki White House”. Malah menyatakan serangan Israel ke atas Iran juga adalah atas arahan Presiden Donald Trump, tentera AS telah memusnahkan fasiliti nuklear Fordow, manakala Israel menyerang puluhan tapak lain termasuk makmal dan kilang kepala peledak serta menghapuskan kepimpinan tertinggi Iran dalam satu serangan yang membabitkan sasaran ke atas tiga ketua turus dan pegawai kanan lain.

Permasalahan Kajian

Perang Israel-Iran telah memberikan kesan kemusnahan kepada kedua-dua negara. Kementerian Kesihatan Iran telah mengesahkan sekurang-kurangnya 610 rakyatnya terbunuh dan 4,746 lagi cedera dalam tempoh 12 hari serangan udara oleh Israel sejak 13 Jun 2025 menjadikan krisis kemanusiaan paling buruk dalam sejarah moden Iran. Sebanyak 971 mangsa masih dirawat di hospital, manakala 687 telah menjalani pembedahan. Iran juga turut menghadapi kemusnahan infrastruktur perubatan dengan tujuh buah hospital, enam pangkalan kecemasan, empat klinik dan sembilan ambulans dilaporkan rosak atau musnah. Kementerian Kesihatan Iran menyifatkan angka korban ini sebagai bukti bahawa serangan Israel menyasarkan kawasan awam dan bukan hanya kemudahan ketenteraan. Serangan US ke atas tiga tapak nuklear Iran termasuk kemudahan pengayaan uranium bawah tanah penting di Fordo, Natanz dan Isfahan pada 22 Jun 2025 telah menimbulkan persoalan mengenai adakah Iran mampu meneruskan program pembangunan nuklearnya? Ini kerana selepas serangan AS, Presiden Donald Trump telah mengumumkan kejayaan menyerang dan memusnahkan kemudahan nuklear Iran. Malah Trump menyatakan “*Iran kini mesti bersetuju untuk menamatkan perang ini*” dan menyifatkan serangan tersebut sebagai detik “bersejarah” bagi AS, Israel dan dunia. Persoalannya adalah adakah benar-benar AS dan Israel berjaya memusnahkan program pembangunan nuklear Iran dalam erti kata yang sebenar?

Objektif Kajian

1. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kemampuan Iran membangunkan nuklear pasca serangan Israel dan AS.
2. Objektif kajian ini juga untuk menganalisa pilihan yang ada kepada Iran untuk memastikan kejayaan membangunkan program nuklearnya selepas serangan Israel dan AS

Sorotan Literatur

Pengumuman kejayaan melakukan serangan ke atas kemudahan nuklear Iran pada 22 Jun 2025 telah menimbulkan persoalan, kesangsian dan perdebatan antarabangsa. Adakah serangan tersebut benar-benar memusnahkan kemampuan Iran? Menurut Ketua CIA, John Ratcliffe pada 26 Jun 2025 telah menyatakan bahawa risikan terkini yang dijalankan oleh CIA menunjukkan kemusnahan yang ketara sehingga memerlukan bertahun lamanya untuk dibangunkan semula (**Nathan Williams and Brandon Livesay, 2025**). Namun menurut Penasihat Kanan kepada Pemimpin Tertinggi Iran Ayatollah Ali Khamenei telah mengesahkan bahawa simpanan uranium yang diperkayakan Iran selamat meskipun AS menyerang tiga tapak nuklear pada 22 Jun 2025 (**Michael Young, 2025**). Malah stesen penyiaran rasmi Iran, *Islamic Republic of Iran Broadcasting* (IRIB) turut melaporkan bahawa kesemua lokasi yang menjadi sasaran telah

dikosongkan sebelum serangan dan bahan nuklear sensitif dipindahkan ke lokasi selamat. Malah menurut Ketua AEIOI, Mohammad Eslami pada 24 Jun 2025 menyatakan bahawa persiapan pemulihan telah dijangka dilakukan lebih awal bagi memastikan tiada gangguan terhadap pengeluaran atau perkhidmatan nuklear. Ini bermaksud Iran telah mengambil langkah awal untuk menilai dan memulihkan kemudahan yang terjejas akibat serangan AS dan Israel. Ia telah menggambarkan pendirian tegas Iran untuk tidak tunduk kepada tekanan antarabangsa termasuk dari AS yang telah berulang kali menggesa Iran agar menghentikan pengayaan uranium ke tahap tinggi.

Menurut Ahli Parlimen Iran pada 26 Jun 2025 telah menyatakan bahawa kerosakan kemudahan nuklear Iran dianggap “tidak serius” dan hanya melibatkan bahagian permukaan yang boleh dipulihkan. Ini diperkuatkan lagi dengan pengumuman kerajaan Iran bahawa tiada kebocoran bahan radioaktif berlaku. Ini jelas menunjukkan sekiranya serangan yang menggunakan bom bunker-buster seberat 30,000 paun telah berjaya menghasilkan kerosakan besar, maka pastinya ia sekurang-kurangnya menjejaskan kawasan sekitar dengan kesan radioaktif seperti mana yang berlaku di Chernobyl pada tahun 1986 dan Hiroshima dan Nagasaki pada Ogos 1945. Namun sehingga kini, belum ada laporan mengenai kesan radiasi di kawasan tapak fasiliti yang didakwa telah rosak. Kementerian Kesihatan Iran mengesahkan tiada kebocoran radiasi berlaku di sekitar tapak nuklear Fordow, Natanz dan Isfahan selepas serangan udara oleh AS dan Israel. Malah terdapat laporan eksklusif *CNN berdasarkan* sumber perisikan Pentagon menjelaskan penilaian awal perisikan AS mendapati bahawa serangan udara ke atas tiga kemudahan nuklear utama Iran tidak memusnahkan komponen teras program nuklear (**Natasha Bertrand, Katie Bo Lillis and Zachary Cohen, 2025**). Ini bermaksud Iran masih berpeluang untuk meneruskan program pembangunan nuklearnya pasca perang.

Metod Kajian

Methodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif. Kaedah ini menggunakan kaedah Content Analysis berdasarkan bahan sekunder yang telah diterbitkan. Dengan kejadian serangan yang masih dikategorikan baru, maka terbitan sumber sekunder mengenai program pembangunan Iran digunakan sebagai asas dan laporan media antarabangsa menjadi maklumat bagi menghasilkan penganalisaan.

Hasil Kajian

Percanggahan Laporan Agensi Dan Antarabangsa Dengan Kenyataan Donald Trump

Kesangsian terhadap pengumuman kejayaan AS dan Israel memusnahkan kemudahan nuklear Iran ini turut membabitkan laporan penilaian oleh CIA yang menyatakan serangan AS dan Israel hanya menyebabkan kerosakan teruk pada struktur atas tanah dan sistem kuasa, manakala stok uranium dan kebanyakan kemudahan kekal utuh. Ia adalah selaras dengan kenyataan penasihat pemimpin tertinggi Iran yang menegaskan bahawa simpanan uranium masih selamat. Malah CIA menyatakan serangan tersebut hanya melengahkan proses pembangunan nuklear Iran untuk selama beberapa bulan. Laporan ini jelas bertentangan dengan dakwaan Presiden Donald Trump bahawa kemudahan nuklear Iran telah “dihapuskan sepenuhnya.” Malah pakar keselamatan memberi amaran bahawa tindakan ketenteraan AS dan Israel akan lebih meningkatkan kezaman politik Iran untuk mempercepatkan program nuklearnya, walaupun kapasiti teknikalnya terjejas, namun ia hanya buat sementara waktu. Manakala menurut laporan *The New York Times*, serangan tersebut hanya melengahkan kemajuan program berkenaan selama “beberapa bulan sahaja”. Laporan-laporan agensi dan media antarabangsa ini telah

mempengaruhi jurucakap White House, Karoline Leavitt pada 25 Jun 2025 menjelaskan laporan kegagalan sebagai tidak tepat dan mendakwa dokumen penilaian tersebut diklasifikasikan sebagai “rahsia besar negara.”

“Penilaian yang kononnya disebut itu adalah tidak benar sama sekali dan telah diklasifikasikan sebagai ‘top secret’, namun tetap dibocorkan kepada CNN oleh individu tidak dikenali dalam komuniti risikan yang kami anggap sebagai ‘petualang bertaraf bawahan’.”

Walaupun laporan agensi dan media antarabangsa telah dinafikan namun di sebalik penafian dan penolakan laporan kegagalan operasi ketenteraan AS dan Israel memusnahkan program nuklear Iran, ia membuktikan bahawa pihak White House telah mengesahkan kewujudan penilaian oleh agensi keselamatan terhadap operasi ketenteraan AS dan Israel pada 22 Jun 2025.

Tindakan Donald Trump Menghadkan Maklumat Selepas Kebocoran Laporan Sulit

Ketidakyakinan terhadap pengumuman kejayaan AS dan Israel memusnahkan kemudahan nuklear Iran ini turut membabitkan tindakan Presiden Donald Trump pada 26 Jun 2025 telah merancang untuk menghadkan perkongsian maklumat risikan sulit dengan Kongres selepas laporan awal mengenai kesan serangan ke atas kemudahan nuklear Iran telah bocor kepada media. Kebocoran maklumat sulit tersebut adalah melibatkan penilaian awal oleh DIA menunjukkan serangan udara AS pada 21 Jun 2025 yang melaporkan hanya menjejaskan program nuklear Iran selama beberapa bulan yang jauh berbeza daripada dakwaan Trump bahawa kemudahan tersebut telah “dimusnahkan sepenuhnya”. Laporan tersebut telah dimuat naik ke sistem CAPNET yang merupakan platform khas untuk berkongsi maklumat sulit dengan Kongres telah bocor dalam masa kurang 24 jam yang telah mencetuskan kemarahan di White House. Keputusan untuk mengambil langkah menghadkan akses kepada CAPNET mencetuskan ketegangan baharu dengan ahli Kongres, khususnya dari Parti Demokrat, yang sebelum ini sudah tidak berpuas hati kerana tidak diberi taklimat sebelum operasi ketenteraan dilancarkan. Tindakan ini membuktikan terdapat maklumat sebenar yang cuba disembunyikan oleh AS di sebalik pengumuman kejayaan memusnahkan program nuklear Iran.

Kenyataan IAEA Mengenai Kemampuan Iran

Pada 29 Jun 2025, Ketua Agensi IAEA, Rafael Grossi telah mengumumkan bahawa IAEA menjangkakan Iran mampu memulakan semula pengeluaran uranium diperkayakan dalam tempoh beberapa bulan walaupun beberapa kemudahan nuklear Iran mengalami kerosakan akibat serangan oleh AS dan Israel. IAEA telah mengesahkan bahawa pintu masuk ke terowong bawah tanah di tapak nuklear Isfahan mengalami kerosakan namun tidak menyatakan mengenai kemusnahan secara total akibat serangan udara AS. Ini kerana sebahagian daripada infrastruktur nuklear Iran masih berfungsi, sekali gus membolehkan beberapa kemudahan nuklear dapat beroperasi semula bagi menjalankan pengayaan uranium. Presiden AS, Donald Trump, mendakwa program nuklear Iran telah “mundur beberapa dekad”. Namun menurut Ketua Agensi IAEA menegaskan “Sebahagiannya masih utuh.” *“Dalam beberapa bulan... atau mungkin lebih singkat mereka (Iran) boleh kembali memutarakan beberapa rangkaian sentrifug untuk menghasilkan uranium diperkayakan”*. Ketua Agensi IAEA juga menjelaskan mengenai persoalan sama ada Iran sempat memindahkan simpanan uranium diperkayakan seberat kira-kira 408.6-kilogram (bersamaan 900 paun) sebelum serangan berlaku. Uranium berkenaan telah diperkayakan sehingga 60 peratus melebihi tahap untuk kegunaan awam, tetapi masih di bawah tahap bagi menghasilkan senjata. Sekiranya dimurnikan sepenuhnya, ia cukup untuk

menghasilkan lebih sembilan bom nuklear. Ini bermaksud Iran memiliki keupayaan untuk meneruskan program pembangunan nuklearnya.

Iran Sudah Memiliki Pengetahuan, Kemudahan Dan Pengalaman

Serangan AS dan Israel ke atas Iran tidak bermakna ia telah menghapuskan program nuklear Iran. Ini kerana Iran telah memiliki pengetahuan, saintis, kemudahan serta pengalaman yang terbukti berjaya melakukan *uranium enrichment* sehingga 60%. Pada 5 Februari 2023, Ketua Agensi IAEA, Rafael Grossi menyatakan mengenai kebimbangan perubahan rahsia peralatan di loji pengayaan uranium Fordo yang dilakukan oleh Iran. Menurut IAEA, Iran melakukan ubah suai secara besar-besaran yang menghubungkan antara dua kelompok emparan yang diperkaya uranium sehingga 60 peratus di Fordo Fuel Enrichment Plant, (FFEP) tanpa memberi notis kepada IAEA. Pada 21 Januari 2023 IAEA menyatakan hasil pemeriksaan ke atas tapak nuklear Fordo mendapati pembangunan dua lata emparan IR-6 berbeza daripada yang diisytiharkan Iran sebelum ini. Pada 7 Disember 2024 Iran telah didakwa merancang untuk meningkatkan pengeluaran uranium secara signifikan yang membolehkan Iran membina senjata nuklear. Ini kerana terdapat laporan yang mendedahkan reka bentuk terkini di kilang pengeluaran unsur nadir bumi menunjukkan telah diubahsuai yang dapat meningkatkan pengeluaran uranium diperkayakan sehingga 60 peratus kepada lebih 34-kilogram sebulan, berbanding 4.7 kilogram. IAEA menyatakan uranium yang diperkayakan oleh Iran mencapai hingga 60 peratus menghampiri tahap 90 peratus yang diperlukan untuk pengeluaran senjata nuklear. Namun Iran telah menafikan hasrat meningkatkan pengeluaran uranium itu bagi membangunkan senjata nuklear. Iran mempertahankan haknya terhadap tenaga nuklear untuk tujuan damai dan menolak sebarang dakwaan mengenai pembangunan senjata. Iran telah menjadi satu-satunya negara bukan pemilik senjata nuklear yang memperkaya uranium hingga tahap melebihi 50 peratus.

Tindakan Unilateral AS Mendapat Tentangan Dari Dalam Negara

Kempen memerangi program pembangunan nuklear Iran memiliki peluang untuk dibangunkan berikutan Presiden Donald Trump sendiri menghadapi tentangan dari dalam negara sendiri (Makar, D. T., Pillah, T. P., 2025). Ini kerana terdapat Ahli Kongres Thomas Massie dari Kentucky dan Senator Tim Kaine dari Virginia telah mendakwa Presiden Donald Trump melancarkan serangan udara ke atas Iran tanpa kebenaran rasmi daripada Kongres. Ia telah mencetuskan perdebatan hangat mengenai kuasa perlembagaan dan pembabit ketenteraan AS di luar negara. Ini kerana memperkenalkan rang undang-undang di Dewan Perwakilan dan Senat menetapkan sebarang tindakan ketenteraan terhadap Iran memerlukan kelulusan Kongres terlebih dahulu. Di dalam Perlembagaan AS, ia memberikan kuasa eksklusif kepada Kongres untuk mengisytiharkan perang dan tindakan unilateral presiden yang melakukan tindakan tanpa kebenaran Kongres adalah melanggar prinsip perlembagaan AS. Selain itu, beberapa tokoh lain seperti Bernie Sanders dan Alexandria Ocasio-Cortez menuntut pertanggungjawaban dan menyifatkan tindakan Trump sebagai “tidak berperlembagaan”. Ahli Kongres Thomas Massie (R-Kentucky) dan Ro Khanna (D-California) turut mengemukakan usul dwipartisan bagi mengehadkan tindakan ketenteraan ke atas Iran tanpa persetujuan Kongres kerana menurut Perlembagaan AS hanya Kongres boleh mengisytiharkan perang.

Bagi pihak Republikan pula menyokong tindakan Donald Trump atas dasar keselamatan negara. Beberapa tokoh Republikan mempertahankan tindakan presiden seperti Speaker Dewan, Mike Johnson menyatakan keputusan melakukan serangan sebagai tindakan wajar untuk mengekang keupayaan nuklear Iran, manakala Senator John Thune menyatakan sokongan penuh atas dasar keselamatan nasional. Pentadbiran Trump pula menegaskan bahawa serangan itu adalah

langkah pencegahan terhadap ancaman strategik dan tertakluk di bawah kuasa eksekutif presiden. Namun bagi pengkritik berpendapat bahawa Iran tidak menimbulkan ancaman serta-merta, dan tindakan unilateral seperti ini melampaui batas kuasa eksekutif. Mereka menyatakan bahawa keputusan seumpama ini boleh mendorong negara ke arah konflik berkepanjangan tanpa mandat rakyat.

Kegagalan Meruntuhkan Kerajaan Semasa Iran

Program pembangunan nuklear Iran memiliki peluang apabila AS dan Israel gagal menjatuhkan rejim Iran ketika ini. Pada 23 Jun 2025, Presiden Donald Trump telah mencetuskan spekulasi perubahan rejim di Iran selepas menyatakan di *Truth Social* bahawa jika rejim Iran ketika ini gagal "menjadikan Iran hebat semula", maka perubahan mungkin diperlukan. Donald Trump telah mengeluarkan kenyataan melalui platform *Truth Social* yang mencetuskan spekulasi berhubung kemungkinan dasar perubahan rejim di Iran. Donald Trump telah memuatkan catatan yang tular "*Tidak wajar secara politik untuk guna istilah 'Perubahan Rejim', tetapi jika Rejim Iran yang ada sekarang tidak mampu MENJADIKAN IRAN HEBAT SEMULA, kenapa tidak berlaku perubahan rejim???*" Trump menyatakan bahawa jika Iran enggan memilih jalan damai, ia akan berdepan "tragedi yang jauh lebih besar daripada apa yang telah berlaku". Catatan ini diterbitkan selepas ucapan rasmi Donald Trump dari White House apabila menyifatkan serangan udara ke atas fasiliti nuklear Iran di Fordow, Natanz dan Isfahan sebagai "kejayaan ketenteraan yang spektakular". Kenyataan tersebut menunjukkan bawa sasaran sebenar AS bukan sekadar infrastruktur nuklear, tetapi juga struktur pemerintahan Iran. Namun ia gagal mempengaruhi rakyat Iran apabila Presiden Iran, Masoud Pezeshkian menyertai ribuan rakyat Iran dalam satu perhimpunan besar di Dataran Enghelab. Khamenei menyifatkan tindakan Israel sebagai kesalahan besar yang tidak boleh dibiarkan tanpa balasan. Masoud Pezeshkian pada 25 Jun 2025 telah mengumumkan secara rasmi berakhirnya "perang 12 hari" dengan Israel dan memuji rakyat Iran kerana terus menunjukkan perpaduan dan ketabahan dalam menghadapi pencerobohan Israel.

"Hari ini, setelah ketabahan wira bangsa kita, yang keazamannya mencipta sejarah, kita menyaksikan terciptanya gencatan senjata dan pengakhiran perang 12 hari ini yang dikenakan oleh 'adventurisme dan provokasi' Israel".

Pada 27 Jun 2025 Donald Trump telah mengkritik Ayatollah Ali Khamenei dan membatalkan rancangan untuk menarik balik sekatan terhadap Tehran serta menyatakan tidak menolak kemungkinan untuk melancarkan serangan bom ke atas Iran kali kedua sekiranya Iran terus meningkatkan uranium ke tahap membimbangkan. Namun ia tidak mempengaruhi Iran yang mana Ayatollah Ali Khamenei pernah mendakwa Iran telah "menampar muka Amerika" dengan melancarkan serangan balas ke atas sebuah pangkalan tentera utama AS di Qatar selepas serangan tersebut sambil menegaskan bahawa Iran tidak akan tunduk kepada tekanan asing. Ayatollah Ali Khamenei juga menjelaskan serangan udara AS ke atas Iran "tidak membawa kesan besar" kepada program nuklear Iran.

"Republik Islam menang dan dalam tindakan balasnya, memberi tamparan hebat kepada muka Amerika... Sebahagian besar tapak nuklear masih berfungsi, dan Iran akan meneruskan program nuklearnya".

Malah Ayatollah Ali Khamenei turut menyatakan Israel hampir mengalami kehancuran akibat serangan balas Iran, namun berjaya diselamatkan dengan campur tangan AS. Presiden Pezeshkian juga menuduh AS bekerjasama secara langsung dengan Israel selepas gagal

menghalang kekuatan pertahanan Iran melalui tekanan ekonomi dan diplomatik. Pada 29 Jun 2025, ratusan ribu rakyat Iran membanjiri jalan-jalan di ibu kota Tehran untuk menghadiri upacara pengebumian kenegaraan bagi memperingati pegawai tinggi tentera, saintis nuklear dan orang awam yang terbunuh dalam konflik berdarah selama 12 hari antara Iran dan Israel. Pihak berkuasa Iran mendakwa lebih 30 komander kanan dan 627 orang awam terkorban dalam serangan tersebut. Antara tokoh utama yang terbunuh dalam konflik yang bermula pada 13 Jun ialah:-

- Jeneral Mohammad Bagheri, Ketua Turus Angkatan Tentera
- Jeneral Hossein Salami, Komander Tertinggi Kor Pengawal Revolusi Islam (IRGC)
- Jeneral Amir-Ali Hajizadeh, Ketua Bahagian Aeroangkasa IRGC
- Mohammad Mehdi Tehrani, saintis nuklear terkemuka
- Beberapa pegawai kanan lain serta ahli keluarga mereka

Menurut Ali Larijani Penasihat kanan kepada Pemimpin Tertinggi Iran pada 30 Jun 2025 menyatakan Israel telah gagal mencapai matlamat utamanya untuk menumbangkan kepimpinan Iran dalam konflik bersenjata selama 12 hari. Larijani mendedahkan bahawa beliau sendiri telah menerima ancaman untuk meninggalkan Iran dalam masa 12 jam sebelum konflik bermula atau berdepan nasib yang sama seperti pegawai kanan lain yang terbunuh dalam serangan udara Israel. Israel telah merancang untuk menyerang mesyuarat Majlis Keselamatan Negara Iran yang dihadiri oleh ketua tiga cabang kuasa negara, termasuk Pemimpin Tertinggi Ayatollah Ali Khamenei.

Sokongan Antarabangsa Terhadap Iran

Program nuklear Iran telah mendapat perhatian dan simpati daripada pelbagai negara dan badan antarabangsa termasuk United Nations (UN) (**Andrew A. Michta, 2024**). Pada 22 Jun 2025 Setiausaha PBB, Antonio Guterres menyatakan kebimbangan mendalam terhadap tindakan ketenteraan AS ke atas Iran yang berisiko menjadi tidak terkawal, dengan kesan buruk yang besar terhadap orang awam dan rantau Asia Barat.

"Saya amat bimbang dengan penggunaan kekerasan oleh AS terhadap Iran hari ini. Ini adalah satu peningkatan bahaya di rantau yang sudah pun berada di ambang konflik dan satu ancaman langsung kepada keamanan serta keselamatan global. Saya menyeru semua negara anggota untuk menurunkan ketegangan dan mematuhi tanggungjawab mereka di bawah Piagam PBB serta undang-undang antarabangsa. Tiada penyelesaian ketenteraan. Satu-satunya jalan ke hadapan adalah melalui diplomasi. Satu-satunya harapan adalah keamanan"

Manakala Pejabat Hak Asasi Manusia PBB turut mengecam serangan udara Israel ke atas Penjara Evin di Tehran, menyifatkannya sebagai pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Negara kuasa veto Presiden Rusia Vladimir Putin pula telah menyifatkan serangan ke atas Iran sebagai "pencerobohan tanpa provokasi" dan tiada sebarang justifikasi pada 23 Jun 2025. Rusia dan Iran mempunyai hubungan "lama, baik dan boleh dipercayai", dan pendirian Moscow berusaha memberikan bantuan kepada rakyat Iran. Rusia turut mengecam "tindakan agresif oleh Israel dan AS". Menteri Luar Iran, Abbas Araghchi, mengumumkan bahawa beliau akan mengadakan rundingan "serius" dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin. Menteri Luar Iran, Abbas Araghchi pada 23 Jun 2025, mengumumkan bahawa mengadakan rundingan "serius"

dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin, susulan serangan udara AS ke atas tiga tapak nuklear utama Iran. Ia menyatakan tindakan Washington sebagai “pelanggaran besar terhadap Piagam PBB, undang-undang antarabangsa dan Perjanjian Non-Proliferasi Nuklear (NPT)”. Rundingan Iran-Rusia juga adalah untuk menyelaraskan pendirian strategik bersama Rusia dan membincangkan tindak balas diplomatik serta keselamatan serantau. Rusia merupakan sekutu rapat apabila Iran telah menerima dron ketenteraan dari Iran untuk digunakan dalam konflik di Ukraine, manakala Iran pula mendapat sokongan teknikal dalam program nuklear awamnya. Rusia sebelum ini pernah menyuarakan penentangan terhadap sebarang usaha perubahan rejim di Iran dan memberi amaran bahawa tindakan sedemikian boleh mencetuskan ketidakstabilan ekstrem di rantau Timur Tengah.

Negara kuasa veto China turut mengutuk keras tindakan AS yang menyasarkan tapak nuklear Iran yang dilindungi IAEA. Kementerian Luar China berkata serangan itu "secara serius melanggar tujuan dan prinsip PBB" serta memburukkan lagi ketegangan di Timur Tengah dan menyeru semua pihak mengutamakan dialog. Pada 24 Jun 2025 China memberi amaran bahawa tindakan AS melancarkan serangan ke atas kemudahan nuklear Iran bukan sahaja menjejaskan kestabilan rantau Asia Barat, malah turut mencemarkan kredibiliti AS di peringkat antarabangsa. Walaupun Iran mengalami kerosakan akibat serangan tersebut, kredibiliti AS sebagai sebuah negara khususnya dalam peranannya sebagai pihak dalam sebarang rundingan antarabangsa turut terjejas. Terdapat laporan akhbar China, *Global Times* melaporkan campur tangan ketenteraan oleh kuasa luar tidak pernah membawa kedamaian, sebaliknya, hanya akan “mendalamkan kebencian serta luka trauma serantau”. China mengecam serangan Israel sebagai pelanggaran kedaulatan Iran dan menyeru semua pihak bertenang serta mengelakkan tindakan ketenteraan lanjut. China dan Rusia turut mengecam Israel di Majlis Keselamatan PBB kerana tidak menyertai Perjanjian NPT dan mengelak daripada pemeriksaan penuh IAEA (**Umar Farooq, Muhamad Saqib and Ghulam Mustafa, 2025**). Rusia, China dan Pakistan turut mengemukakan draf resolusi kepada Majlis Keselamatan PBB yang mengecam serangan oleh AS dan Israel ke atas kemudahan nuklear Iran. China menyokong usaha Iran dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan negara, mewujudkan gencatan senjata yang mendorong pengurangan ketegangan di Asia Barat (**Gram Slattery, Alexander Cornwell and Parisa Hafezi, 2025**).

Negara kuasa nuklear Pakistan dan India turut memberikan sokongan kepada Iran. Menteri Pertahanan Pakistan, Khawaja Muhammad Asif telah mengecam sikap berat sebelah kuasa Barat dan IAEA terhadap Iran dalam isu nuklear, serta menyifatkan serangan AS dan Israel telah melanggar undang-undang antarabangsa. Perdana Menteri Pakistan Shehbaz Sharif pada 5 Julai 2025 turut mengulangi solidariti Pakistan "tidak berbelah bahagi" kepada Iran dan menghargai kepimpinan Pezeshkian yang "berani dan bijaksana" semasa serangan Israel terhadap Iran dan mengalu-alukan gencatan senjata. "*Angkatan tentera ketidakstabilan dan huru-hara terus menyahstabilkan rantau kita untuk agenda geopolitik mereka,*" dan menyifatkan serangan Israel ke atas Iran adalah "tidak sah di sisi undang-undang, tidak ada justifikasi, dan tidak wajar". Pakistan turut mengutuk serangan itu sebagai pelanggaran norma antarabangsa dan menegaskan hak Iran untuk mempertahankan diri di bawah Piagam PBB. Islamabad menyuarakan kebimbangan terhadap situasi yang semakin buruk dan menggesa semua pihak bersabar. Manakala Perdana Menteri India Narendra Modi telah berbincang dengan Presiden Iran dan menggesa penamatan segera ketegangan.

Negara Pertubuhan BRICS seperti Brazil, Rusia, India dan China, blok itu kemudiannya disertai Afrika Selatan, Mesir, Ethiopia, Indonesia, Iran, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

Menteri Luar Iran Abbas Araghchi pada 7 Julai 2025 dalam Sidang Kemuncak BRICS di Rio De Janeiro, Brazil memberi amaran bahawa kegagalan komuniti antarabangsa untuk mengambil tindakan terhadap Israel hanya akan mengheret seluruh rantau dan dunia kepada krisis yang lebih parah.

“Serangan Israel dan AS ke atas kemudahan nuklear kami bukan sahaja melanggar prinsip Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT), malah turut mencabuli Resolusi 2231 Majlis Keselamatan PBB yang mengiktiraf program nuklear aman Iran pada 2015”.

Iran menggesa agar Israel dan AS dipertanggungjawabkan berhubung serangan mengejut ke atas negara itu yang disifatkan sebagai tindakan pencerobohan berskala besar, sehingga mengorbankan sekurang-kurangnya 935 nyawa. Penglibatan langsung AS menyerang kemudahan nuklear Iran telah menunjukkan jelas bahawa AS bersubahat sepenuhnya dalam ‘perang pencerobohan’ yang dilancarkan oleh Israel. Iran turut menerima sokongan daripada negara-negara BRICS+ yang bersidang di Rio de Janeiro apabila blok 11 negara sebulat suara mengecam tindakan ketenteraan yang disasarkan ke atas sasaran ketenteraan, nuklear dan awam di Iran. Negara Anggota BRICS turut menyuarakan kebimbangan serius terhadap serangan yang disifatkan sebagai disengajakan ke atas infrastruktur awam dan fasiliti nuklear Iran. Pengisytiharan itu dilihat sebagai kejayaan diplomatik penting kepada Iran yang sebelum ini berdepan kekurangan sokongan dari peringkat serantau.

Pelbagai negara Amerika Latin dari Chile, Cuba, Venezuela, Colombia dan Bolivia turut mengecam serangan udara AS ke atas kemudahan nuklear Iran sebagai pelanggaran undang-undang antarabangsa dan ancaman terhadap kestabilan global. Negara Perancis menyuarakan kebimbangan dan menegaskan tidak terlibat dalam operasi tersebut serta menggesa semua pihak mengelakkan peluasan konflik dengan mengutamakan penyelesaian diplomatik. Presiden Majlis Eropah Antonio Costa menggesa semua pihak agar bertenang dan mematuhi undang-undang antarabangsa serta mengutamakan diplomasi. Switzerland telah menyeru agar pihak terbabit segera kembali ke meja rundingan dan menghormati sepenuhnya Piagam PBB serta memberikan amaran ancaman terhadap nyawa orang awam dan infrastruktur. Ireland memberikan amaran bahawa risiko konflik lebih besar antara Iran dan Israel dan menekankan keperluan untuk menamatkan ketegangan. Jerman telah menyeru Iran segera memulakan rundingan dengan AS dan Israel bagi mengelakkan pertumpahan darah lebih buruk. Jerman juga menggesa penyelesaian diplomatik bagi mencegah konflik lebih besar. Turkiye turut menyatakan kebimbangan terhadap kesan serangan AS ke atas kemudahan nuklear Iran dan menekankan bahawa keamanan harus dicapai melalui dialog, bukan konfrontasi bersenjata. Bekas Duta Besar UK ke Uzbekistan merangkap aktivis hak asasi manusia, Craig Murray memberitahu RIA Novosti bahawa Iran bertindak "amat bertanggungjawab dan sabar" sejak beberapa tahun lalu meskipun berdepan tindakan Israel.

Negara Timur Tengah turut memberikan sokongan kepada Iran. Pada 15 Jun 2025 Arab Saudi menyatakan bahawa rejim Israel sedang berusaha memperdalam konflik dengan Iran dalam cubaan untuk menyeret AS ke dalam peperangan. Putera Mahkota Mohammed bin Salman menyatakan "Hari ini, seluruh dunia Islam bersatu menyokong anda," dalam perbualan telefon dengan Presiden Iran, Masoud Pezeshkian. Arab Saudi menyatakan kebimbangan mendalam terhadap perkembangan terkini di Iran susulan tindakan AS yang menyasarkan kemudahan nuklear Iran. Arab Saudi turut menyuarakan kebimbangan dan menyifatkan serangan itu sebagai pelanggaran kedaulatan Iran dan menggesa semua pihak berusaha mengendurkan

ketegangan dan menggesa masyarakat antarabangsa menggiatkan usaha ke arah penyelesaian politik. Negara Qatar turut menyuarakan kebimbangan dan memberi amaran ketegangan lanjut boleh membawa "akibat buruk" kepada rantau itu. Qatar turut menggesa menghentikan segera permusuhan dan menyeru usaha diplomasi diperbaharui. Mesir turut memberi amaran tentang akibat serius susulan peningkatan ini dan menggesa penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa serta penyelesaian aman terhadap krisis. Negara Oman telah menyifatkan serangan itu sebagai "pelanggaran serius undang-undang antarabangsa dan Piagam PBB" dan menegaskan ia adalah hak Iran membangunkan tenaga nuklear secara aman di bawah pemantauan antarabangsa dan memberi amaran bahawa ketegangan berterusan boleh meluaskan konflik. Lubnan menyatakan kebimbangan serangan itu berisiko mencetuskan ketegangan yang boleh menggugat kestabilan seluruh rantau dan menggesa semua pihak bersabar dan memulakan rundingan. Negara Iraq turut mengutuk serangan AS itu sebagai tindakan yang meningkatkan ketegangan dan "melampaui sempadan mana-mana negara" dan menyatakan kaedah penyelesaian ketenteraan akan membawa kemusnahan dan ketidakstabilan.

Mendapatkan Senjata Nuklear Ready Made Dari Luar

Selaras dengan agenda keselamatan merupakan aspek yang tidak dapat diabaikan oleh sesebuah negara (Sulaiman, S. & Keling, M.F, 2022). Ancaman keselamatan dari luar terhadap sesebuah negara boleh hadir daripada negara jiran terdekat, serantau dan antarabangsa (Keling, M.F, Som, H.M, Saludin, M.N, Shuib, M.S, Ajis, M.N, 2011). Dalam konteks ini, Iran turut menghadapi ancaman dari dalam rantau Timur Tengah dan antarabangsa khususnya Israel dan AS. Kaedah kedua Iran untuk mendapatkan nuklear adalah melalui pembelian produk yang telah siap (*ready made*). Pembelian ini tidak memerlukan jumlah yang besar, hanya sekadar bagi mewujudkan deterrence kepada musuh agar tidak melakukan kekerasan ke atas Iran (Davenport, Kelsey, 2024). Pembelian ini akan membolehkan ia menjadi kekuatan dan jaminan keselamatan, disamping dapat menyambung program pembangunan nuklear yang telah terjejas. Adakah kaedah ini boleh dilaksanakan? Kaedah ini pernah dilakukan dalam kes krisis peluru berpandu Cuba yang menunjukkan kesediaan sesebuah negara berkuasa nuklear menghantar nuklear kepada negara lain seperti mana yang berlaku Soviet Union (SU) menghantar peluru berpandu nuklear ke Cuba pada tahun 1962.

Iran Dapat Mendapatkan Nuklear Ready Made Melalui Model Cuban Missile Crisis 1962

Krisis ini merupakan satu krisis melibatkan pertentangan antara AS dan SU yang dianggap sebagai peristiwa yang hampir membawa kepada “Perang Dunia ke-III” atau “perang nuklear” (John Baylis Dan Steve Smith, 2009). Secara ringkasnya, sejarah penglibatan AS di Cuba adalah sebelum 1945 lagi dan ia merupakan pembabitian AS dalam membentuk dan memberi sokongan kepada kerajaan Cuba (Shakila Yacob, 2005). Fidel Castro telah dilantik sebagai Perdana Menteri Cuba pada 1 Januari 1959 dan telah melaksanakan dasar memiliknegerakan aktiviti ekonomi termasuk syarikat yang dimiliki oleh AS di Cuba. AS telah mengambil pendekatan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Cuba dan dalam masa yang sama Cuba telah menjalin hubungan yang baik dengan pihak SU. Pada 7 Februari 1962, AS telah menggesa dunia untuk mengenakan sekatan ekonomi dan perdagangan dengan Cuba. Hubungan baik Cuba dan SU telah membawa kepada perancangan penempatan peluru berpandu nuklear bagi menjamin keselamatan dan pertahanan Cuba. Peristiwa ini bermula apabila Julai 1962, John McCone, Pengarah CIA diberitahu oleh Perancis bahawa terdapat 60 buah kapal SU sedang membuat perjalanan ke Cuba. Beliau kemudiannya memberi amaran kepada Presiden Kennedy bahawa sesetengah daripada kapal itu membawa bahan ketenteraan.

Pada 14 Oktober 1962, AS telah mendapat maklumat hasil daripada pengintipan pesawat U-2 yang telah berjaya mendapatkan beberapa gambar yang membuktikan penempatan peluru berpandu SS-4 (MRBM) di Cuba. Namun pada 16 Oktober, gambar-gambar yang diambil menerusi satelit yang membuktikan wujudnya proses pembinaan pengkalan peluru berpandu di Cuba. Keputusan melalui kesepakatan dibuat melalui Majlis Keselamatan Negara seminggu selepas bukti (gambar satelit) diperolehi pada 14 Oktober 1962. Kennedy mengumumkan satu kepungan tentera laut akan dilakukan untuk mencegah ketibaan peluru-peluru berpandu itu ke Cuba pada 24 Oktober 1962. Presiden Kennedy mendesak SU membuka dan membuang senjata-senjata dan Cuba diistiharkan sebagai zon kuarantin. Tentera AS memintas kapal SU dan memeriksanya sama ada membawa bekalan senjata atau tidak. Untuk beberapa hari yang tegang bagi kapal Soviet mengelakkan zon kuarantin di Cuba, akhirnya Khrushchev dan Kennedy berkomunikasi melalui rundingan diplomatik. 27 Oktober 1962, Khrushchev menyatakan beliau menerima rancangan tolak ansur yang menuntut agar SU menarik balik peluru berpandu yang dianggap '*offensive*' itu, dan sebagai balasannya, Amerika berjanji tidak akan menyerang-langgar Cuba. Berdasarkan model krisis peluru berpandu Cuba ini, ia membuktikan bahawa sesebuah negara berkuasa nuklear iaitu SU bersedia menghantar dan menempatkan peluru berpandu nuklear ke negara lain. Ini bermaksud Cuba tidak perlu membangunkan program nuklearnya sebaliknya mendapatkan produk yang telah siap (ready made). Situasi ini dapat dilakukan oleh Iran memandangkan telah ada perbincangan antara Iran-Rusia secara mendalam selepas serangan AS dan Israel mengenai program nuklearnya. Malah ia mampu dilaksanakan berikutan negara kuasa nuklear Rusia, China, Pakistan dan Korea Utara adalah negara sekutu Iran yang sentiasa menyokong Iran.

Kesimpulan

Serangan AS dan Israel ke atas kemudahan nuklear Iran pada 22 Jun 2025 yang menggunakan bom bunker-buster GBU-57 *Massive Ordnance Penetrator* seberat 13,000 kilogram (kg) iaitu bom yang direka untuk memusnahkan sasaran bawah tanah digugurkan ke atas kemudahan bawah tanah Fordo oleh pesawat pengebom B-2, manakala puluhan peluru berpandu jelajah dilancarkan dari kapal selam menyasarkan Natanz dan Isfahan. Serangan ke atas tapak nuklear Iran telah mempengaruhi Iran melancarkan peluru berpandu balistik Khyber (Kheibar Shekan) dalam serangan ke-20 ke atas Israel, menggunakan taktik baharu bersama dron pintar untuk meningkatkan ketepatan dan keberkesanan. Pihak AS dan Israel telah mengumumkan kejayaan operasi ketenteraan ke atas Iran dan mendakwa berjaya memusnahkan program nuklear Iran, namun ia telah disangkal oleh Iran. Serangan AS dan Israel ini walau bagaimanapun telah mendapat pelbagai perhatian global mengenai kemampuan Iran untuk meneruskan program pembangunan nuklearnya. Berdasarkan maklumat dan laporan agensi dan media antarabangsa, terdapat pelbagai pendapat yang menunjukkan kesangsian, perdebatan dan percanggahan maklumat yang menimbulkan persoalan terhadap pengumuman kejayaan oleh AS dan Israel. Berdasarkan maklumat tersebut, ia menunjukkan Iran mampu meneruskan program nuklearnya dengan dua kaedah iaitu meneruskan program yang sedia ada kerana ia dipercayai tidak musnah secara total. Kaedah kedua adalah mendapatkan nuklear yang telah siap sebagai deterrence terhadap musuh melalui kerjasama dengan negara kuasa nuklear seperti Rusia, China, Pakistan dan Korea Utara. Malah kaedah ini pernah dilakukan oleh Rusia dalam Cuban Missile Crisis pada tahun 1962

Rujukan

- Agensi. (2025a, June 23). Amaran China pada AS: Serangan ke atas Iran jejas kredibiliti Washington, situasi berisiko di luar kawalan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/amaran-china-pada-serangan-ke-atas-iran-jejas-kredibiliti-washington-situasi-berisiko-di-luar-kawalan-526451>
- Agensi. (2025b, June 24). White House nafi laporan risikan dakwa tapak nuklear Iran tidak musnah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/white-house-nafi-laporan-risikan-dakwa-tapak-nuklear-iran-tidak-musnah-526597>
- Agensi. (2025c, June 26). Khamenei tegaskan Iran ‘tidak akan sesekali tunduk’ kepada AS. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/khamenei-tegaskan-iran-tidak-akan-sesekali-tunduk-kepada-526939>
- Agensi. (2025d, June 27). Trump pertimbang bom Iran sekali lagi, batal rancangan pelonggaran sekatan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/trump-pertimbang-bom-iran-sekali-lagi-batal-rancangan-pelonggaran-sekatan-527056>
- Agensi. (2025e, June 28). Iran berupaya perkaya uranium semula dalam tempoh beberapa bulan - Ketua IAEA. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/iran-berupaya-perkaya-uranium-semula-dalam-tempoh-beberapa-bulan-ketua-iaea-527171>
- Agensi. (2025f, June 28). Presiden Iran zahir penghargaan kepada rakyat yang hadir hormati mangsa serangan Israel. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/presiden-iran-zahir-penghargaan-kepada-rakyat-yang-hadir-hormati-mangsa-serangan-israel-527167>
- Agensi. (2025g, July 6). Presiden Brazil kecam serangan ke atas Iran, desak Israel tinggalkan Gaza. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/presiden-brazil-kecam-serangan-ke-atas-iran-desak-israel-tinggalkan-gaza-528216>
- Agensi. (2025h, July 7). Iran tuntutan Israel, Amerika Syarikat bertanggungjawab atas ‘perang pencerobohan.’ *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/iran-tuntut-israel-amerika-syarikat-bertanggungjawab-atas-perang-pencerobohan-528215>
- Awani, A. (2025a, June 22). Konflik Israel-Iran: Serangan AS ke atas Iran bermula dengan helah taktikal “fake-out.” *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-serangan-ke-atas-iran-bermula-dengan-helah-taktikal-fakeout-526287>
- Awani, A. (2025b, June 23). Konflik Israel-Iran: Ahli Kongres AS terus pertikai keabsahan serangan Trump ke atas Iran. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-ahli-kongres-terus-pertikai-keabsahan-serangan-trump-ke-atas-iran-526307>
- Awani, A. (2025c, June 23). Konflik Israel-Iran: Lawatan Araghchi ke Rusia akan jadi “serius” selepas serangan AS. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-lawatan-araghchi-ke-rusia-akan-jadi-serius-selepas-serangan-526294>
- Awani, A. (2025d, June 24). Iran sahkan 610 terbunuh, hampir 5,000 cedera akibat serangan Israel sejak 13 Jun. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/iran-sahkan-610-terbunuh-hampir-5000-cedera-akibat-serangan-israel-sejak-13-jun-526563>
- Awani, A. (2025e, June 24). Iran tekad teruskan program nuklear walaupun diancam AS. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/iran-tekad-teruskan-program-nuklear-walaupun-diancam-526552>
- Awani, A. (2025f, June 24). Konflik Israel-Iran: Netanyahu dakwa Israel capai kemenangan bersejarah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-netanyahu-dakwa-israel-capai-kemenangan-bersejarah-526594>
- Awani, A. (2025g, June 24). Konflik Israel-Iran: Presiden Pezeshkian tegaskan kemenangan Iran hasil tekad rakyat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/Berita-Dunia/Konflik-Israeliran-Presiden-Pezeshkian-Tegaskan-Kemenangan-Iran-Hasil-Tekad-Rakyat-526601>

- Awani, A. (2025h, June 24). Konflik Israel-Iran: Serangan AS gagal musnahkan kemudahan nuklear Iran secara menyeluruh - CNN. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-serangan-gagal-musnahkan-kemudahan-nuklear-iran-secara-menyeluruh-cnn-526595>
- Awani, A. (2025i, June 26). Konflik Israel-Iran: Trump perketat maklumat sulit selepas serangan Iran. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-trump-perketat-maklumat-sulit-selepas-serangan-iran-526774>
- Awani, A. (2025j, June 26). [TERKINI] Konflik Israel-Iran: Apa kita tahu setakat ini? *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/terkini-konflik-israeliran-apa-kita-tahu-setakat-ini-526196>
- Awani, A. (2025k, June 26). Trump dakwa tapak nuklear Iran ‘dimusnahkan’, perisikan AS kata sebaliknya. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/trump-dakwa-tapak-nuklear-iran-dimusnahkan-perisikan-kata-sebaliknya-526778>
- Awani, A. (2025l, June 28). Iran isytihar hari berkabung negara sempena pengebumian komander tertinggi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/iran-isytiar-hari-berkabung-negara-sempena-pengebumian-komander-tertinggi-527084>
- Awani, A. (2025m, June 30). Konflik Israel-Iran: Larijani dakwa Israel gagal tumbangkan Iran. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-larijani-dakwa-israel-gagal-tumbangkan-iran-527288>
- BBC News. (2025, June 25). *CIA says intelligence indicates Iran nuclear programme “severely damaged.”* <https://www.bbc.com/news/live/c20xell1e97gt#:~:text=middle%20east-,cia%20says%20intelligence%20indicates%20iran%20nuklear%20programme%20'severely%20damaged',lyse%20doucet%20from%20inside%20iran>
- Bernama. (2025a, June 15). [TERKINI] Israel cuba seret AS dalam kancan perang dengan Iran - Putera Mahkota Saudi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/terkini-israel-cuba-seret-dalam-kancan-perang-dengan-iran-putera-mahkota-saudi-525124>
- Bernama. (2025b, June 22). Konflik Israel-Iran: Serangan bom AS ke atas tapak nuklear Iran cetus kecaman seluruh dunia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-serangan-bom-ke-atas-tapak-nuklear-iran-cetus-kecaman-seluruh-dunia-526267>
- Bernama. (2025c, June 23). Konflik Israel-Iran: Penasihat pemimpin tertinggi Iran tegas simpanan uranium masih selamat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/konflik-israeliran-penasihat-pemimpin-tertinggi-iran-tegas-simpanan-uranium-masih-selamat-526300>
- Bernama. (2025d, June 23). Putin kecam serangan ke atas Iran sebagai “pencerobohan tanpa provokasi” dan tiada justifikasi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/putin-kecam-serangan-ke-atas-iran-sebagai-pencerobohan-tanpa-provokasi-dan-tiada-justifikasi-526408>
- Bernama. (2025e, June 25). BRICS desak penubuhan zon bebas senjata pemusnah di Asia Barat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/brics-desak-penubuhan-zon-bebas-senjata-pemusnah-di-asia-barat-526640>
- Bernama. (2025f, July 5). PM Pakistan, Presiden Iran bincang situasi pasca serangan Israel pada Sidang Kemuncak ECO. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/pm-pakistan-presiden-iran-bincang-situasi-pasca-serangan-israel-pada-sidang-kemuncak-eco-528042>
- Byman D. (2025, June 18). ‘Intelligence Window Might Have Been A Factor in Timing Of Israeli Attack On Iran’. *Foreign Policy* <https://foreignpolicy.com/2025/06/18/intelligence-window-israel-iran-attack-nuclear/>

- Celso A. (2024) Iran's Proxy War Strategy. *ORBIS*. 68 (3). 416-437
<https://doi.org/10.1016/j.orbis.2024.05.006>
- Ernest R. May dan Philip D. Zeliko (1997). *The Kennedy Tapes: Inside The White House During The Cuban Missile Crisis*. Cambridge: Harvard University Press.
- Farooq U., Saqib M. and Mustafa G. (2025). Iran's Nuclear Ambitions: A Potential Threat To Israel, *Pakistan Social Sciences Review*. 9(2), 89-98 [https://doi.org/10.35484/pssr.2025\(9-ii\)07](https://doi.org/10.35484/pssr.2025(9-ii)07)
- Gambrell, J. (2024, November 30). *Iran to begin enriching uranium with thousands of advanced centrifuges, UN watchdog says* | *AP News*. AP News.
<https://apnews.com/article/iran-nuklear-iaea-mideast-wars-israel-7450481f9e42ea5b786c5d672ec382a1>
- Harian, S. (2025, June 25). Konflik Israel-Iran: Presiden Masoud isytihar “perang 12 hari” tamat. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/Berita-Dunia/Konflik-Israeliran-Presiden-Masoud-Isytihar-Perang-12-Hari-Tamat-526642>
- John Baylis dan Steve Smith (2009) *The Globalization of World Politics, An Introduction To International Relations*. New York: Oxford University Press.
- Keling, M. F, Som, H.M, Saludin, M.N, Shuib, M.S, Ajis, M.N (2011). The Development of ASEAN From Historical Approach. *Asian Social Science*. 7(7), 169-189.
<https://core.ac.uk/download/pdf/12122063.pdf>
- Kelsey D. (2024). Rethinking U.S. Nuklear Diplomacy With Iran for 2025. *Arms Control Today*. 54 (8), 6-11.
- Makar, D. T., and Pillah, T. P., (2025). Twelve Days of Escalation: Analyzing the June 2025 Israel Iran War and U.S. Precision Strikes on Nuklear Infrastructure. *IRASS Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*. 2(7)1-12.
<https://irasspublisher.com/assets/articles/1751440309.pdf>
- Mark Fitzpatrick (2025) Attacking Iran and Tempting Fate. *Survival*. 67 (4), 7–24
<https://doi.org/10.1080/00396338.2025.2534278>
- Michta A. A. (2024), America Needs a Grand Strategy. *ORBIS*. 68 (4), 517-525
<https://doi.org/10.1016/j.orbis.2024.09.002>
- Shahira, N. (2023, February 5). Iran macam PPB bangkit keseimbangan ubah suai nuklear. *Buletin TV3*. <https://www.buletintv3.my/dunia/iran-kecam-ppb-bangkit-keimbangan-ubah-suai-nuklear/>
- Shakila Yacob (2005). *AS, Pembentukan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sulaiman, S. & Keling, M.F (2022). Role of National Defense Policy Against Cyber Threats. *BiLD Law Journal*. 7(1), 47-51. <https://bildbd.com/index.php/blj/issue/view/15>